



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**18 MAC 2026 (RABU)**

## Bekalan Makanan Asas Mencukupi Tampung Permintaan di Perak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Dalam Talian	17 Mac



*Foto hiasan*

IPOH, 17 Mac – Kerajaan Negeri Perak memberi jaminan bahawa bekalan makanan asas mencukupi bagi menampung peningkatan permintaan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, Perak membekalkan sehingga 12 juta ekor ayam, 400 tan daging serta 160 juta biji telur setiap bulan bagi memastikan bekalan kepada

pengguna kekal stabil.

Pemantauan berterusan turut dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama agensi berkaitan bagi memastikan bekalan mencukupi selain harga kekal terkawal di pasaran.

“Berdasarkan lawatan dan temu bual yang dijalankan, kita dapati harga barangan masih berada di bawah harga kawalan, malah ada yang lebih murah. Ini menunjukkan keadaan harga adalah stabil dan tidak membebankan rakyat,

khususnya di negeri Perak,”  
katanya.

Beliau berkata demikian  
ketika ditemui pemberita  
selepas mengadakan  
tinjauan di beberapa lokasi  
sekitar Ipoh.

Bagaimanapun orang ramai  
dinasihatkan supaya tidak  
melakukan pembelian panik  
kerana bekalan ayam, daging  
dan telur mencukupi serta  
diagihkan secara konsisten  
sepanjang tempoh  
menjelang perayaan.-

**BERITARTM**

## Aidilfitri: Perak Sedia Sehingga 12 Juta Ekor Ayam, 400 Tan Daging

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Kini	Berita Perak	Dalam Talian	17 Mac



IPOH: Kerajaan Negeri Perak melalui pelbagai agensi membekalkan sehingga 12 juta ekor ayam dan 400 tan daging setiap bulan, cukup untuk menampung peningkatan permintaan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, Perak turut mengeluarkan sehingga 160 juta biji telur sebulan, bagi memastikan bekalan kepada

pengguna stabil.

Menurutnya, kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta agensi berkaitan sentiasa melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan dengan harga di bawah kawalan.

“Berdasarkan kepada lawatan dan temu ramah yang dibuat, kita lihat harga masih di bawah harga kawalan, malah ada yang lebih murah lagi.

“Ini menunjukkan bahawa

keadaan harganya stabil dan tidak membebankan rakyat, khusus di negeri Perak ni," katanya ketika ditemui selepas membuat tinjauan di Pasar Besar Ipoh dan Pasaraya Mydin Meru, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan pengguna agar tidak melakukan pembelian panik dan memberi jaminan bekalan ayam, daging dan telur akan terus diagihkan secara konsisten sepanjang tempoh menjelang Aidilfitri.

Dalam masa sama, ujarnya, kerajaan akan terus memperkukuhkan kerjasama strategik dengan semua pemain industri ternakan, pengusaha ladang dan agensi berkaitan.-[SUARAKINI](#)

Data Management Integration & Implementation (DMII) Agriculture Sector Kick-Off			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Premier Dept. Sarawak	UKAS	Dalam Talian	17 Mac



17 Mac 2026 - SCSDU telah mengadakan program Data Management Integration & Implementation (DMII) Agriculture Sector Kick-Off di Borneo Convention Centre Kuching (BCKK) hari ini.

Dalam majlis yang sama, turut berlangsung Majlis Menandatangani Kontrak DMII antara Kerajaan Sarawak dan Sarawak Information Systems (SAINS).

Selain itu, satu Majlis Menandatangani Pernyataan Komitmen turut diadakan melibatkan Kementerian

Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MFICORD), Jabatan Pertanian Sarawak serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak.- [PREMIERDEPT.SARAWAK](http://PREMIERDEPT.SARAWAK)

## 12 Juta Ekor Ayam, 160 Juta Telur Pastikan Bekalan Aidilfitri Mencukupi Di Perak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Perak	Dalam Talian	17 Mac



IPOH – Sebanyak 12 juta ekor ayam serta 160 juta biji telur disediakan di Perak bagi memastikan bekalan makanan asas itu mencukupi untuk menampung peningkatan permintaan sempena musim perayaan Aidilfitri tahun ini.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, kerajaan negeri memberi jaminan bahawa bekalan ayam, telur dan daging di negeri ini berada pada tahap

mencukupi, stabil serta terkawal.

Menurutnya, jaminan itu dibuat hasil pemantauan berterusan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Perak bersama agensi berkaitan terhadap sektor pengeluaran ternakan di negeri ini.

"Bagi bekalan ayam pedaging, pengeluaran semasa di Perak dianggarkan sekitar 10 hingga 12 juta ekor sebulan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan

pengguna termasuk peningkatan permintaan semasa musim perayaan.

"Pengeluaran telur ayam pula dianggarkan sekitar 140 hingga 160 juta biji sebulan dengan bekalan diagihkan secara berterusan ke pasaran bagi memastikan kestabilan bekalan kepada pengguna di seluruh negeri," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas membuat tinjauan di Pasar Besar Ipoh dan Pasar Raya Besar Mydin Meru Raya di sini pada Selasa.

Menurutnya, bekalan daging lembu dan kerbau juga berada pada tahap stabil melalui gabungan sumber pengeluaran tempatan serta bekalan import.

Menurutnya, jumlah bekalan daging dianggarkan sekitar 360 hingga 400 tan metrik sebulan bagi memenuhi keperluan pasaran di negeri ini.

Katanya, kerajaan negeri melalui DVS bersama agensi berkaitan turut melaksanakan pemantauan rapi terhadap keseluruhan rantai bekalan ternakan.

"Pemantauan ini merangkumi peringkat ladang, operasi rumah sembelih serta proses pengedaran produk ternakan

ke pasaran bagi memastikan bekalan makanan asas ini sentiasa mencukupi, berkualiti serta sampai kepada pengguna tanpa sebarang gangguan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembelian secara panik atau berlebihan kerana bekalan ayam, telur dan daging akan terus diagihkan secara konsisten sepanjang tempoh menjelang dan sepanjang musim perayaan Aidilfitri.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama pemain industri ternakan, pengusaha ladang serta agensi berkaitan bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan di Perak sentiasa terpelihara.

[SINARHARIAN](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR